

RICE

Research, Innovation, Commercialisation & Entrepreneurship
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

eNEWS

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

RICEUKM eNEWS No.3/2016



"Penyelidikan menyemarakkan pemindahan ilmu yang mampu memberi perubahan serta meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat awam"

Prof. Dato' Dr. Mazlin Bin Mokhtar
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
– Petikan dari Majalah Impak Kongres UKM 2015 –

Dr. Goh Choo Ta, Felo LESTARI, UKM berjaya memperolehi geran penyelidikan dan pembangunan bagi projek penyelidikan Development of Globally Harmonised System of Classification - Chemical Industry sebanyak RM1,500,00.00 daripada pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).



UKM telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Dato' Nik & Associates Sdn Bhd (DNA Sdn Bhd) pada 20 Julai 2016 dalam usaha memperkasakan ilmu melalui kerja-kerja penyelidikan berasaskan penambakan tanah dan industri. Tahniah di atas pelantikan jawatan Profesor Kelestarian Alam Sekitar Wan Fatimah di UKM yang akan disandang oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah, Pengarah, Institut Perubahan Iklim sebagai penyandang yang pertama dengan tajaan penuh diperoleh oleh pihak UKM dengan sumbangan sebanyak RM 728,000 bagi tempoh 2 tahun bertujuan untuk menggalakkan pengembangan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang kelestarian alam sekitar.



Penemuan Spesies baharu: *Cissus terengganuensis* (Vitaceae)

Penerima Anugerah Merdeka 2015, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff Mohamad sekali lagi telah menyumbang kepada kepelbagaian biologi Malaysia dengan penghuraian suatu lagi spesies tumbuhan baru iaitu *Cissus terengganuensis* Latiff sp. nov. (Vitaceae) dari Bukit Labohan, Kerteh, Terengganu. Penemuan spesies baru yang merupakan suatu spesies anggur liar ini telah ditemui dan dikutip oleh En. Sani Miran dan En. Raffae Ahmad, seorang Pegawai Perhutanan bukan sahaja telah menambah senarai bilangan spesies *Cissus* di Semenanjung Malaysia dan Malesia dan amnya kepelbagaian biologi spesies, malah dapat membantu pihak berkaitan dalam penjagaan, pengurusan, dan pemuliharaan hutan menerusi maklumat yang diperolehi.



Prof. Latiff pernah mengetuai lebih daripada 30 ekspedisi saintifik ke hampir semua pelusuk negara, menerbitkan lebih 500 makalah saintifik dan bab dalam buku, beliau berkata bahawa setiap penemuan flora dan fauna akan memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara. Maklumat yang dikumpulkan daripada penyelidikan ini dapat menjadi rujukan kepada pelajar, penyelidik, agensi berkaitan dan pihak kerajaan dalam melindungi dan melestarikan ekosistem hutan tropika kita.